

NOTA EDITOR

*Makan roti berinti kaya
Kaya dibuat daripada tepung
Pusat Pentadbiran Negara di Putrajaya
Boleh dilihat tanpa teropong*

Petikan pantun dari paksalleh.blogspot.my



Wilayah Persekutuan Putrajaya merupakan sebuah bandar terancang dan pusat pentadbiran Kerajaan Malaysia. Putrajaya merupakan buah fikiran mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Bandar ini dinamakan sempena mantan Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman Putra. Putrajaya memang unik. Lihat sahaja rekabentuk bangunan-bangunan kerajaan di sini, semuanya menawan dan berbeza ciri. Jika diberikan pilihan, saya sendiri pun mahu menetap di Putrajaya kerana setiap inci bandarnya dirancang dengan baik.

Putrajaya juga cukup istimewa buat Majalah Santai Travel. Di bandar inilah segalanya bermula. Cetakan sulung Majalah Santai Travel menjadikan Putrajaya sebagai latar belakang penghias kulit depan. Masih ingat lagi saya ketika itu, artis baru meningkat naik, Ana Raffali bersetuju menjadi penghias wajah depan edisi sulung kami, sambil melayari keindahan tasik buatan Putrajaya. Malah majlis pelancaran Majalah Santai Travel turut diadakan di Marina Putrajaya.

Putrajaya mempunyai pelbagai tarikan pelancongan untuk dinikmati. Baru-baru ini Majalah Santai Travel dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya telah mengadakan satu FAMTRIP yang melibatkan beberapa rakan media dari Malaysia, Indonesia, Brunei dan Thailand. Program tiga hari dua malam ini bertujuan untuk meningkatkan lagi kesedaran pihak media bahawa Putrajaya tidak membosankan. Antara destinasi pelancongan yang dilawati adalah Taman Equestrian Putrajaya, Taman Cabaran Putrajaya, Pusat Rekreasi Air Putrajaya, Skyride Festivals Park Putrajaya, Cruise Tasik Putrajaya dan banyak lagi. Selain itu Putrajaya juga mempunyai beberapa pilihan penginapan seperti Dorsett Putrajaya, Everly Hotel dan Pullman Hotel Putrajaya.

Perbadanan Putrajaya (PPj) menasarkankan kehadiran 9.2 juta pelancong dari dalam dan luar negara ke Putrajaya tahun ini berbanding 8.9 juta tahun lepas. Selain daripada tarikan pelancongan, acara-acara bertaraf dunia juga telah membantu membawa pelancong masuk. Malah Putrajaya juga mempunyai pusat konvensyen bertaraf dunia, Putrajaya International Convention Centre (PICC). Unikny PICC ini, reka reka bentuk bangunn ini adalah berdasarkan bentuk 'Pending Perak', iaitu reka bentuk kepala tali pinggang pakaian rasmi Yang di Pertuan Agong . Seterusnya , struktur bumbung adalah sama dengan origami dilipat bagi meringankan bulat jelas struktur. PICC terletak di atas bukit dan kelihatan amat gah dari jauh. Jadi, buat rakyat Malaysia, luangkanlah sedikit masa dan ayuh lawat Putrajaya!

p/s : Terima kasih buat Perbadanan Putrajaya, Dorsett Putrajaya, Marina Putrajaya, PICC, Taman Equestrian Putrajaya, Mamee, Nadi Putra dan semua penaja-penaja yang menjayakan Travelogue Escape @ Putrajaya

Azli Khairi Abd Hamid

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali atau disiarkan, dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit INTERMEDIA NETWORK. Sidang Editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pendirian Majalah Santai. Semua material penerbitan yang dikirimkan kepada INTERMEDIA NETWORK akan menjadi hak milik syarikat ini. Sidang Editor tidak bertanggungjawab juga atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

SANTAI TRAVEL
Menyokong Kempen :



SANTAI TRAVEL
Diterbitkan Oleh:



INTERMEDIA NETWORK
Level 20 Menara Safuan,
Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.
Telefon : +603-20263346 Faks : +603-20263440
KDN : PP19083/08/2016(034564)

TS MEDIA NETWORK
NO.35 Jalan AU 2A/3,
54200 KUALA LUMPUR.

Dicetak oleh :
JETPRINT SDN BHD (713060-P)
NO.1 Jalan Balakong Jaya 3,
Kawasan Perindustrian Balakong Jaya
43300 Seri Kembangan, Selangor

TEAM SANTAI TRAVEL

PENERBIT/KETUA PENGARANG Azlie Halim | EDITOR Azli Khairi Abd Hamid | WARTAWAN Khairunnisa PELATIH - Innese Mokhtari | PEREKA GRAFIK Haizatul | FOTOGRAFI Dboy Studio - Dino Alhamd - Fits Shawal | PEMASARAN/PENGIKLANAN Dex Wong - Dr Mazlina Abu Bakar - Masliwati Abd Ghani | PENGURUSAN ACARA Fits Shawal |